

Pantang Sarang Adat

Sealam Luak Jempol

OLEH

MOHD HASHIM ABDULLAH (DATO').

PANTANG LARANG ADAT DALAM LUAK JEMPOL:

1. PANTANG LARANG ORANG SEMENDA DENGAN TEMPAT MONDA.

Adat telah menentukan orang semenda itu akan bekerja sama dengan tempat monda seperti yang digariskan dibawah:-

1. Orang semenda yang cerdik teman berunding.
2. Kalau alim minta doanya.
3. Kalau bodoh disuruh arah, disuruh pergi dipanggil datang.
4. Kalau buta penghembus lesung.
5. Kalau pekak pembakar bedil.
6. Dinding tasak mata telinga.
7. Penjaga keluarga petang menudung pagi melepaskan.

Pantang Larang:

1. Pelesit dua sekampung: Ertinya; kakak dikahwini, adiknya ditiduri.
2. Sebatang anau dua sigai: diberi satu ambil dua.
3. Satu dikahwin dua diambil: semenda berkasih dengan isteri tempat monda.

2. PANTANG LARANG TEMPAT MONDA PADA ORANG SEMENDA:

1. Sudah diberi diambil balik.
2. Sudah diuca dipegang ekor.
3. Teman taruh dipemalami.
Yang pertama maknanya diberi kampung sawah diambil balik.
Yang kedua maknanya tempat semenda menjualkan barang-barang yang dipulangkan pada semenda seperti kerbau dan lain-lain.
Yang ketiga maknanya sudah diberi mandat pada semenda menuntut mas kahwin dimarahi dikatakan tidak menureh.

HUKUMNYA:

Orang semenda bolehlah mengadu pada BUAPAK dan buapak akan menghukumnya secara yang sesuai mengikut adat.

3. PANTANG LARANG KETUA-KETUA ADAT:

Buapak, Dato' Lembaga dan Penghulu Luak.

Pepatah menyebutkan; Jangan menghilir melonjak, mudek mengacau, mengusek alam nan selamat, mengeruh air yang jernih, berfaham kambing dek ulek kiri kanan pemecah perang, mempunyai sifat takbur dihati, menyukai lobo dan tamak, ber-sifat dengki dan khianat, mengerjakan dosa besar dan lain-lain.

Lagi kesalahan;

Dipersunting bunga -bunga nan kembang, mengahwini perempuan belum cukup edah, terkurung dibilek dalam, tertangkap basah, terpanjat langsung masak, melakukan pecah amanah, pencurian dan lain kerja jahat, pembunuhan, rompakan dan lain dosa besar.

Ditambah Lagi;

1. Menghantar orang nikah (Buapak besar waris dikecualikan) bertunang,
2. Terkurung dirumah perempuan yang halal nikah,
3. Menyerah perempuan seorang sahaja, apabila perempuan tak mahu ia turun bersendirian.
4. Menghalau sokonya yang beradat yang berpusaka supaya masuk suku lain,
5. Kahwin satu perut tetapi tidak dilarang kahwin sewaris yang berlainan buapak. (Pengkulu luak dan anaknya dikecualikan).

HUKUMNYA:

Kalau berlaku seperti kesalahan ini; kalau buapak, anak buah bolehlah mengadu pada Dato' Lembaga, Dato' Lembaga akan menyiasat kalau benar bolehlah buapak ini dipecat sama jugalah ketua ketua adat yang lain seperti Besar Waris dan Tua Waris.

Kalau Dato' Lembaga membuat kesalahan hendaklah diadukan pada Dato' Pengkulu Luak, Dato' Pengkulu Luak akan membuat siasatan kalau benar Dato' Lembaga ini juga boleh dipecat.

Kalau nikah seperut pada anak buah hendaklah menimbang salah kerbau saekor, beras lima puluh gantang dijamukan pada anak buah perut itu, apabila telah bertimbang salah hapuslah kesalahan itu, perkara ini diuruskan oleh buapak.

Kalau Dato' Lembaga nikah seperut beliau tidak dikatakan timbang salah tetapi hendaklah menjamu anak buah kadar yang sama dibuat dirumah SOKO TUA.

KATA PEMUTUS:

Adat telah menentukan kata bercari pada anak buah, Kata pemutus pada Dato' Lembaga dan pada Dato' Pengkulu Luak. Kalau sabit kesalahan Lembaga atau Pengkulu bolehlah menasihatkan Buapak atau Lembaga Itu disuruh letakan Pesaka itu (JAWATAN) atau dipecat.